## LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## KHAMIS 19 JANUARI 2023

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br>3.<br>4.<br>5. | MAT SABU: IMPORTING EGGS HELPS ADDRESS SHORTAGE ISSUE, NATION, CHINA PRESS -A5<br>MAT SABU: SHORTFALL OF JUST 1MIL EGGS LAST MONTH, NEWS, GUAN MING DAILY -A7<br>MALAYSIA, BRAZIL PERKUKUH DAGANGAN, LOKAL, HM -18<br>BEKALAN TELUR BERANSUR PULIH, LOKAL, HM -18<br>PERUNTUKAN KERAJAAN NEGERI KEPADA JABATAN, AGENSI PUSAT, NASIONAL, HARAKAH -H29 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (MAFS) |
| 6.<br>7.<br>8. | CM: SUFFICIENT PORK SUPPLY IN PENANG DESPITE ASF CASES, NATION, NST -7<br>TANAM BANGKAI LEBIH EFISIEN, NEGERI, SH -28<br>LADANG BABI DI SELANGOR BERISIKO DIJANGKITI ASF, NEGERI, SH -28 | JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS) |
| 9. | AGROBANK LAUNCHES CHINESE NEW YEAR HUAT AH CAMPAIGN, NATION, THE STAR -8 | AGROBANK |
| 10. | 50 UNIT PROJEK PSN NELAYAN, NASIONAL, HARAKAH -H29 | LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM) |
| 11.<br>12.<br>13.<br>14.<br>15. | TADC LAHIRKAN USAHAWAN KEMBANGKAN TERNAKAN TENUSU, NASIONAL, HARAKAH -H29<br>GEDUNG PENGELUARAN MAKANAN TERENGGANU DIBANGUNKAN, NASIONAL, HARAKAH -H29<br>MAJORITI RAKYAT MAHUKAN AYAM, TELUR BUKANNYA BABI YANG MENJADI TUMPUAN, NASIONAL, HARAKAH -H19<br>BERAS, DAGING MELEBIHI KEPERLUAN TEMPATAN, KELANTAN, HARAKAH -H12<br>TERENGGANU MAHU WUJUDKAN INDUSTRI PENTERNAKAN AYAM PENELUR, DARUL IMAN, HARAKAH -H20 | LAIN-LAIN |

UKK MAFS

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFS, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| Headline | Mat Sabu: Importing eggs helps address shortage issue | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | China Press | | |
| Date | 19 Jan 2023 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 127,822 |
| Page No | A5 | Readership | 383,466 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 153 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 3,018 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 9,054 |






■莫哈末沙布宣布，政府采取的进口鸡蛋措施，有效解决鸡蛋短缺问题。

末沙布：1.57億減至100萬個

# 進口蛋助解決短缺

（吉隆坡18日讯）农业及食品安全部长莫哈末沙布指出，自政府采取允许进口鸡蛋的临时措施后，国内的鸡蛋短缺数量，已从11月的1.57亿个，跌至12月的100万个。

"根据兽医局数据，国内10月的鸡蛋短缺数量为1.18亿个，攀升至11月的1.57亿个，再到12月时仅缺的100万个。"

莫哈末沙布於文告中指出，国内鸡蛋短缺问题在去年10月和11月非常严重，所幸目前鸡肉和鸡蛋已开始恢复供应。

"我於去年12月5日向农业及食品安全部报到，听取了当前的鸡蛋供应简报，以及会见了几家主要的鸡蛋生产商后，并找到最佳解决方案以恢复国内鸡蛋供应。"

去年12月，政府允许从印度进口鸡蛋，以应对国内过去几个月所面临的鸡蛋短缺问题。

他说，停止出口鸡蛋的建议无法实施，因进口鸡饲料的成本突然飙涨，加上所实施的价格管制时间过长，给本地鸡蛋生产商带来压力。

Powered by: isentia

| Headline | Mat Sabu: Shortfall of just 1mil eggs last month | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Guang Ming Daily | | |
| Date | 19 Jan 2023 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 49,712 |
| Page No | A7 | Readership | 149,136 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 116 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,758 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 5,273 |



## 末沙布：允進口後從1.5億劇降

# 上月僅短缺100萬雞蛋

（吉隆坡18日讯）农业及粮食安全部长莫哈末沙布表示，自政府采取允许进口鸡蛋的临时措施后，国内的鸡蛋短缺数量，从11月的1亿5700万颗，跌至12月的100万颗。

他说，根据兽医局数据，国内10月的鸡蛋短缺数量为1亿1800个，攀升至11月的1亿5700万颗，再到12月时仅缺的100万颗。

“国内鸡蛋短缺问题在去年10月和11月最为严重，所幸目前鸡肉和鸡蛋已开始恢复供应。”

莫哈末沙布发文告说，他于去年12月5日到农业及粮食安全部报到，听取了当前的鸡蛋供应简报，以及会见了几家主要的鸡蛋生产商后，并找到最佳解决方案以恢复国内鸡蛋供应。

去年12月，政府允许从印度进口鸡蛋，以应对国内过去几个月所面临的鸡蛋短缺问题。

他说，停止出口鸡蛋的建议无法实施，因进口鸡饲料的成本突然飙涨，加上所实施的价格管制时间过长，给本地鸡蛋生产商带来压力。（LPP）

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 19/1/2023 | HARIAN METRO | LOKAL | 15 |

# Malaysia, Brazil perkukuh dagangan

**Putrajaya:** Jagung bijian atau Grain Corn adalah antara topik utama dalam perbincangan pemimpin Malaysia dan Brazil bagi memperkukuhkan dagangan dua hala dalam bidang pertanian.

Ia dibincangkan hasil pertemuan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Mohamad Sabu dan Duta Besar Brazil di Malaysia, Ary Norton De Murat Quintella, di Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS), di sini, semalam.

"Malaysia sentiasa mengalu-alukan sokongan dan kerjasama yang baik daripada Brazil dalam meningkatkan keupayaan sumber makanan negara," menurut kenyataan MAFS susulan pertemuan itu semalam.

Menurutnya, Malaysia turut mengalu-alukan kerjasama baik Brazil melalui perkongsian pengalaman dan kepakaran dalam teknologi pertanian terutamanya dalam meningkatkan pengeluaran bijirin jagung, industri tanaman yang berpotensi, industri kelapa dan juga teknologi akuakultur.

Brazil adalah rakan dagang Malaysia yang sentiasa bergiat aktif dalam memperkukuhkan hubungan perdagangan pertaniannya.

Bagi tempoh Januari hingga Oktober 2022, nilai import produk pertanian dan makanan daripada Brazil adalah sebanyak RM4.32 bilion. - Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 19/1/2023 | HARIAN METRO | LOKAL | 18 |



KERAJAAN membenarkan kemasukan telur ayam dari India pada Disember lalu.

# Bekalan telur beransur pulih

*Langkah import telur oleh MAFS tangani kekurangan bekalan*

**Oleh Samadi Ahmad**
am@hmetro.com.my

**Putrajaya**

Kekurangan bekalan telur di pasaran negara ini kian pulih susulan langkah sementara diambil kerajaan membenarkan telur diimport masuk ke Malaysia.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Mohamad Sabu berkata, ini terbukti apabila data Jabatan Veterinar menunjukkan kekurangan telur pada Disember lalu hanyalah sebanyak sejuta berbanding 157 juta telur pada November dan 118 juta telur pada Oktober.

"Saya melapor diri di MAFS (Pertanian dan Keterjaminan Makanan) pada 5 Disember lalu. Selepas mendengar taklimat situasi semasa bekalan telur, saya bersama pengurusan tertinggi MAFS bertemu beberapa pengeluar utama telur untuk mencari jalan penyelesaian terbaik supaya bekalan dapat dipulihkan.

**1 juta**
Jumlah kekurangan telur dalam negara pada Disember lalu

"Data yang saya peroleh daripada Jabatan Veterinar menunjukkan kekurangan telur agak kritikal pada Oktober dan November 2022. Alhamdulillah, bekalan ayam dan telur sudah mula pulih, insya-Allah akan kembali stabil tidak lama lagi," katanya semalam.

Disember lalu, kerajaan membenarkan kemasukan telur ayam dari India menerusi laluan udara sebagai fasa percubaan bagi memastikan telur ayam yang diimport menepati piawaian yang ditetapkan.



MOHAMAD Sabu

Mengenai cadangan supaya kerajaan menghentikan eksport telur, Mohamad berkata, langkah itu tidak dapat dilakukan kerana kenaikan mendadak kos makanan ayam yang diimport dan kawalan harga yang terlalu lama hingga menekan pengeluar telur tempatan.

"Mereka (pengeluar telur) sangat mengharapkan hasil ekspot telur untuk menampung kerugian dialami di pasaran tempatan kerana kawalan harga dikenakan terlalu lama dan boleh menyebabkan banyak syarikat terpaksa menghentikan operasi," katanya.

Bagi menyelesaikan isu berkenaan, Mohamad berkata, MAFS mengadakan perbincangan dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup serta Kementerian Kewangan selain mencadangkan subsidi bersasar diberikan kepada rakyat memerlukan, sebelum harga telur diapungkan semula.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 19/1/2023 | HARAKAH | NASIONAL | H29 |

# 50 unit projek PSN Nelayan



Projek Perumahan Penempatan Semula Nelayan berharga RM148 ribu tetapi hanya RM54 ribu sahaja untuk nelayan.

**TERENGGANU:** Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa, **Dr Azman Ibrahim** memaklumkan projek Perumahan Penempatan Semula Nelayan (PSN) dilaksanakan di tiga tapak iaitu Besut, Setiu dan Kemaman.

Katanya, projek tersebut melibatkan pembinaan 50 unit rumah di setiap tapak dengan kos RM24 juta, RM13 juta dari peruntukan dari Lembaga Kemajuan Ikan Malayia (LKIM), baki RM11 juta dari peruntukan Kerajaan Negeri.

Menurut beliau tambahan RM10 juta untuk kerja-kerja persiapan tapak juga dari Kerajaan Negeri Terengganu.

Azman yang juga Adun Jabi berkata, jumlah keseluruhan RM13 juta dari Persekutuan dan RM21 juta dana Kerajaan Negeri, belum dikira nilai tanah yang juga diberi percuma oleh Kerajaan Negeri Terengganu.

Menurut beliau, projek tersebut tertangguh sejak tahun 2017 dan dapat dilaksanakan zaman Kerajaan Perikatan Nasional (PN) di bawah pimpinan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yasin manakala Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFI), Dr Ronald Kiande.

Katanya, harga sebuah rumah berjumlah RM 148 ribu manakala harga jualan kepada nelayan hanya RM 54 ribu.

"Sewa beli selama 25 tahun dengan anggaran kadar bayaran RM 180 sebulan," katanya.



Dr Azman mempengerusikan mesyuarat bersama Ketua-ketua Jabatan.

# Peruntukan Kerajaan Negeri kepada Jabatan, Agensi Pusat

**ADUN JABI,** Dr Azman Ibrahim berkata Kerajaan Negeri Terengganu serius untuk bekerjasama dengan Kerajaan Pusat bagi pembangunan pertanian Terengganu dengan bukti data dan angka.

Susulan itu, peruntukan sektor pertanian dari Kerajaan Negeri Terengganu bagi tahun 2023 yang disalurkan kepada Jabatan dan Agensi Pusat.

Katanya, Kerajaan Negeri memperuntukkan sehingga RM5 juta setahun kepada Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Negeri Terengganu bagi perlaksanaan Skim Bantuan Modal Tani sejak tahun 2020.

Manakala kata beliau, Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) sebuah Jabatan Persekutuan di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) menerima peruntukan jutaan ringgit setiap tahun dari Kerajaan Negeri bagi pelbagai projek dan bantuan sektor perikanan. Tahun 2023 DOF menerima RM3.8 juta.

Beliau berkata, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sebuah Jabatan bawah Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim menerima RM6.6 juta dari Kerajaan Negeri Terengganu tahun 2023.

Jabatan Pertanian (DOA) katanya sebuah jabatan gunasama Negeri dan Persekutuan menerima peruntukan RM7 juta pada tahun 2023.

Menurut beliau Jabatan Perkhidmatan Veterinar juga sebuah jabatan gunasama Negeri dan Persekutuan menerima RM4.24 juta dari Kerajaan Negeri.

Manakala FAMA juga tambah beliau ada dibantu oleh Kerajaan Negeri.

# TADC lahirkan usahawan kembangkan ternakan tenusu

**TERENGGANU:** Sebanyak 200 ekor kambing tenusu baka Senen telah tiba dari Australia bulan Mei 2022 untuk program Pengganda Induk Kambing Tenusu di Bari Setiu.

Perkara itu dimaklumkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa, Dr Azman Ibrahim.

Menurut beliau, kerjasama antara Kerajaan Negeri melalui anak syarikat Kerajaan Negeri TADC dengan sokongan dana dari Unit Laksana, Kementerian Kewangan Malaysia.

Katanya, enam orang usahawan tempatan telah dipilih dan mereka akan bekerja di ladang selama 24 bulan dengan diberikan elaun RM1,200 sebulan.

Selepas 24 bulan, kata beliau, enam ekor kambing akan jadi milik mereka untuk dikembangkan sendiri serta 20 peratus dari hasil jualan susu juga diberikan kepada mereka sebagai modal tunai.

Menurut beliau, peserta baru akan dimasukkan untuk kesinambungan program.

Katanya TADC tidak semata-mata berniaga dengan program ini tetapi mengambil peranan Kerajaan Negeri untuk melahirkan usahawan dan mengembangkan industri ternakan tenusu.



Dr Azman bersama Pegawai Kerajaan dan usahawan tempatan melihat kambing tenusu yang datang dari Australia.

# Gedung pengeluaran makanan Terengganu dibangunkan

**TERENGGANU:** Bagi merealisasikan Terengganu sebagai gedung pengeluaran makanan Negeri Terengganu beberapa projek sedang rancak dibangunkan dan sebahagiannya telah mengeluarkan hasil.

Adun Jabi yang juga Exco Kerajaan Negeri Terengganu, Dr Azman Ibrahim antara projek yang sedang dibangunkan adalah pusat pengumpulan hasil tani Telaga Papan, pusat pengeluaran benih kerapu hibrid Limau Nipis di Setiu.

Selain itu katanya, pusat semaian anak-anak pokok Pak Kancil di Setiau, Beris Meraga Kemaaman dan Bukit Parit Marang.

Pembangunan Tanaman Napier 400 ekar di Setia Jaya Merang, penggandaan kambing tenusu di Bari, penternakan lembu semi Fidlot Pak Kancil.

Beliau berkata, projek itu dibangunkan dengan sokongan dana dari Kementerian Kewangan (MOF) sebanyak RM30.34 juta ketika Kerajaan PN dibawah Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Katanya, ia diuruskan melalui Jawatankuasa Jaminan Makanan Negeri Terengganu yang dianggotai Kerajaan Negeri, wakil MOF, Jabatan-Jabatan MAFS Negeri Terengganu dan anak-anak syarikat (GLC) Negeri Terengganu.




Pusat Gedung Pengeluaran Makanan Negeri Terengganu.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 19/1/2023 | NST | NEWS | 7 |

11 PIG FARMS CLOSED

# CM: Sufficient pork supply in Penang despite ASF cases

**GEORGE TOWN:** Penang has a sufficient supply of pork despite 11 commercial pig farms in Seberang Prai reporting cases of African Swine Fever (ASF).

Penang, as an exporter of pigs, had a surplus of supply, said Chief Minister Chow Kon Yeow.

"Although some pig farms here are affected by ASF, we still have surplus and are above self-sufficiency," he said in Komtar yesterday.

Chow said exports were slightly affected as they could not move the animals out of the state. He, however, could not reveal the losses suffered by the pig farms here.

On Tuesday, it was reported that another four pig farms in Seberang Prai had reported cases of ASF, bringing to 11 the total number of commercial pig farms affected.

The ASF outbreak, which was declared a "disaster" in the state last Friday, showed no signs of abating. More than 4,000 pigs from three pig farms had been culled with carcasses buried on site and at other locations determined by the state government.

Chow said the state government was working with the Penang Development Corporation to identify land to bury the carcasses of pigs culled.

"We hope to minimise the impact on the environment and ensure that the carcasses are buried far from residential areas."

Asked if it was possible for the pigs culled to be burnt instead of buried, Chow said the numbers affected were large.

Last Friday, Penang declared the ASF outbreak a "disaster" after cases were reported in seven commercial pig farms in Seberang Prai Selatan and Seberang Prai Tengah, involving 25,000 pigs.

All 25,000 pigs would be culled in stages to prevent the spread of ASF. The culling exercise may take weeks to complete.

There are 124 pig farms in Penang — 64 in Seberang Prai Utara, 52 in Seberang Prai Selatan, four in Seberang Prai Tengah and four on the island — involving a total of 267,348 pigs.

The outbreak in Seberang Prai Selatan alone involved 139,795 pigs.

There is currently no effective vaccine against ASF. **By Audrey Dermawan**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 19/1/2023 | SINAR HARIAN | NEGERI | 28 |

# Tanam bangkai lebih efisien

## Kaedah tersebut digunakan kerana jumlahnya terlalu banyak dan bangkai besar

Oleh SYAJARATULHUDA MOHAMAD ROSLI
GEORGETOWN

Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) menggunakan kaedah penanaman bangkai babi yang dijangkiti demam babi Afrika (ASF) berbanding pembakaran kerana jumlahnya terlalu banyak.



KON YEOW

Ketua Menteri, Chow Kon Yeow berkata, susulan itu, kerajaan negeri akan bekerjasama dengan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) untuk penyediaan tanah yang sesuai bagi kerja penanaman bangkai haiwan terbabit.

Menurutnya, tanah-tanah milik perbadanan itu yang masih belum dibangunkan akan digunakan untuk tujuan tersebut.

"Kita gunakan kaedah penanaman berbanding pembakaran kerana jumlah yang hendak dilupuskan terlalu banyak selain saiz bangkai yang besar. Oleh demikian, kita bersama PDC akan mencari tanah yang belum dibangunkan dan belum sedia dijual milik agensi tersebut untuk tujuan berkenaan.

"Lokasi penanaman bangkai babi itu juga jauh daripada penempatan penduduk bagi mengurangkan impak terhadap orang ramai," katanya ketika sidang akhbar di Auditorium F di Komtar pada Rabu.

Pada Selasa, penularan kes ASF di negeri ini semakin meruncing apabila empat buah ladang lagi disahkan dijangkiti wabak terbabit menjadikan jumlah keseluruhan adalah 11 buah.

Empat ladang tersebut adalah dua di Seberang Perai Tengah (SPT) dan dua di Seberang Perai Selatan (SPS).

Sehingga kini, lebih 4,000 ekor babi yang dijangkiti telah dilupuskan oleh JPV melibatkan tiga buah ladang.

Pemusnahan babi itu dilakukan menggunakan kaedah gas $CO_2$ (kepekatan tinggi) yang mengikut garis



Beberapa ekor babi di salah sebuah ladang penternakan babi di Perkampungan Valdor yang dikesan dijangkiti demam babi Afrika.

panduan Kod Amalan Kebajikan Haiwan - Pengurusan Pembuangan Haiwan.

Beliau berkata dengan kaedah penanaman, ia diharap dapat mengurangkan impak kepada alam sekitar.

"Sekiranya orang awam ternampak ada pegawai JPV yang memakai pakaian peralatan pelindung diri (PPE) di tepi jalan, jangan risau, mereka hanya menjalankan kerja penanaman bangkai babi.

"Sementara itu, bekalan babi untuk kegunaan penduduk di Pulau Pinang masih mencukupi walaupun penularan ASF di negeri ini semakin meruncing.

"Walaupun Pulau Pinang antara pengeksport babi, memang ada terjejas sikit kerana tidak boleh bawa babi keluar, tetapi untuk kegunaan tempatan masih cukup," katanya.

Jumaat lalu, Pulau Pinang mengisytiharkan wabak ASF sebagai bencana selepas lebih 25,000 babi dijangkiti ASF dan setakat ini 11 buah ladang dikesan positif wabak berkenaan.

# Nikah di Thailand perlu daftar di Perak

IPOH - Pernikahan yang dijalankan di luar negara termasuk Thailand boleh dikenakan tindakan undang-undang oleh Mahkamah Syariah Perak.

Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad berkata, Mahkamah Syariah negeri akan menentukan sah atau tidak pernikahan itu sebelum ia boleh didaftarkan.

Menurutnya, pihak mahkamah akan mengenakan hukuman termasuk denda maksimum RM1,000 atau enam bulan penjara atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

"Jika dia kahwin di luar negara, dia kena balik ke Perak untuk mendaftarkan dengan Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk).

"Kalau pernikahan itu betul sah berlaku, daftarlah dan adalah denda yang akan dikenakan, terpulang kepada mahkamah," katanya kepada pemberita ketika ditemui selepas menyempurnakan Majlis Pelancaran Program Teduhan Kasih Anak-Anak Perak di Dewan Bankuet, Bangunan Perak Darul Ridzuan di sini pada Rabu.

Menurutnya, apabila pernikahan didaftarkan secara sah, pasangan layak untuk mendapatkan sijil kelahiran anak masing-masing.

Sebelum ini, Majlis Agama Islam Selangor mengumumkan pasangan yang memilih berkahwin di luar negara termasuk Thailand bakal berdepan kesukaran selagi tidak mengesahkan status perkahwinan mereka di negara ini.

Sementara itu, mengenai program Teduhan Kasih Anak-Anak Perak, Saarani berkata, ia merupakan inisiatif kerajaan negeri bagi membantu kanak-kanak yang kehilangan ibu bapa akibat Covid-19.

Sehubungan itu, kerajaan negeri dengan kerjasama Majlis Agama Islam Perak (MAIPk) bersama Felcra Wilayah Perak dan Jabatan Pendidikan Negeri tampil memperkenalkan inisiatif berkenaan dengan menanggung perbelanjaan pendidikan mereka yang terpilih.

"Kita tak mahu mereka ini keciciran persekolahan hanya semata-mata dia tidak ada cukup wang," katanya.

Seramai 120 orang pelajar menerima manfaat menerusi program berkenaan sehingga mereka berusia 21 tahun.



Saarani (empat dari kiri) menyampaikan sumbangan kepada pelajar ketika menyempurnakan Majlis Pelancaran Program Teduhan Kasih Anak-Anak Perak di Dewan Bankuet, Bangunan Perak Darul Ridzuan pada Rabu.

# Ladang babi di Selangor berisiko dijangkiti ASF

SHAH ALAM - Ladang babi di Selangor berisiko tinggi dijangkiti wabak demam babi Afrika (ASF) sekiranya tiada kawalan ketat bagi pencegahan penyakit itu daripada terus merebak.



IZHAM

Exco Infrastruktur, Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani Selangor, Ir Izham Hashim berkata, faktor itu disebabkan keadaan geografi negeri berkenaan.

Menurutnya, penternak perlu bertanggungjawab dan mengikut prosedur operasi standard (SOP) dengan menggandakan tahap biosekuriti bagi membendung penularan.

"Penternak juga perlu melapor dan mengambil tindakan segera kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) jika mendapati ternakan mereka disyaki dijangkiti ASF," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* di sini pada Rabu.

Sebelum ini media melaporkan, Pulau Pinang mengisytiharkan penyakit ASF di negeri itu sebagai bencana selepas lima lagi ladang ternak babi dijangkiti penyakit itu.

Izham berkata, kerajaan negeri melalui JPV sentiasa mengambil tindakan dengan survelan aktif dan penternak juga perlu mengikuti prosedur ketat.

Mengulas mengenai masalah pencemaran najis dari ladang babi di negeri ini, Izham memberitahu, perlaksanaan konsep Ladang Babi Moden (MPF) diyakini dapat menyelesaikan masalah berkenaan.

Katanya, terdapat empat kaedah yang boleh diguna pakai. MPF itu antaranya melaksanakan sistem sifar pelepasan.

"Selain itu, MPF juga menggunakan konsep sistem kandang tertutup, zon penampan dan pematuhan Amalan Kebersihan Veterinar Yang Baik," ujar beliau.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 19/1/2023 | THE STAR | NATION | 8 |

# Agrobank launches Chinese New Year Huat Ah campaign

By DURIE RAINER FONG
newsdesk@thestar.com.my

**KOTA KINABALU:** Agrobank has kicked off its national-level Huat Ah campaign here aimed at inculcating good financial management through savings in the leading agriculture financing and value-based bank.

The campaign, held in conjunction with Chinese New Year, was launched by Agriculture and Food Security Deputy Minister Chan Foong Hin at the Pacific Sutera Hotel.

The Huat Ah campaign brings forth two mini-campaigns namely the Kempen Menang Angpau RM888 – Deposit Bonanza and the Kempen Extravaganza FRIA-i which are among Agrobank's initiatives to foster a smart spending culture.

To encourage the practice of saving, customers could generate profit through term savings with a competitive profit rate of 4.25% for a term of 12 months through the Kempen Extravaganza FRIA-i and savings account through the Kempen Menang Angpau RM888 – Deposit Bonanza.

In his speech, Agrobank chairman Datuk Yunos Abd Ghani said the Kempen Menang Angpau RM888 – Deposit Bonanza, which started yesterday until Feb 28, was open to new and existing Agrobank customers. He said customers could make a minimum deposit of RM1,000 for individual accounts and RM3,000 for non-individuals (companies).

"Winners will be selected through a lucky draw. What's interesting is that 38 winners will receive an ang pow of RM888 each.

"For those who continue to keep their savings until March 31, they will stand a chance to win a Proton X50 as the main prize of the Kempen Deposit Bonanza. Very Huat Ah, right?" he said.

Yunos said the Kempen Extravaganza FRIA-i was open to existing and new Agrobank customers with a minimum deposit of RM5,000 that offers a return rate of 4.25% for a period of 12 months.

This campaign, he added, would end on Feb 24.

"Agrobank continuously provides encouragement and guidance to customers and stakeholders particularly in managing finances because good financial management will help generate income and monitor business cashflow.




**Prosperity for all:** Chan (centre) flanked by Tengku Ahmad (second from left) and Yunos at the launching of Agrobank's Huat Ah Campaign in Kota Kinabalu.

"Huat means prosperity (and) Agrobank believes that customers have the determination to have prosperity in their finances as well as financial freedom to guarantee a better future," Yunos said.

Also present at the launch were Agrobank president and chief executive officer Tengku Datuk Ahmad Badli Shah Raja Hussin and assistant senior chief secretary (policy) of the agriculture and food security Abszra Davadason Peter.

Separately, Chan said Agrobank's services were not only limited to financing the agrofood sector but also covered various other products such as takaful, will management and term savings, among others.

"The B40 income group as well as small and medium enterprises are among the groups easily affected by any impact caused by the uncertain economy.

"Agrobank's initiative through this campaign is apt to nurture a saving culture in society," he said.

Tengku Ahmad said there was a lot of opportunities on agriculture in Sabah as it had massive plots of land.

Earlier, Agrobank also organised the Huat Ah shopping spree programme to elevate the burden of schoolchildren from Chinese national-type schools from the B40 income group residing in the state capital for the Chinese New Year.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 19/1/2023 | HARAKAH | NASIONAL | H19 |

# Majoriti rakyat mahukan ayam, telur bukannya babi yang menjadi tumpuan

Oleh:
**SRIHAYANIS ABASRI**

**KUALA LUMPUR:** Isu kekurangan bekalan atau harga ayam dan telur sewajarnya menjadi keutamaan dan perlu mencari jalan penyelesaian segera berbanding isu harga bekalan babi dalam Mesyuarat Kabinet.

Tinjauan *Harakah* di *Facebook* mendapati majoriti pengguna kesal dengan kerajaan yang mengetengahkan isu harga babi di Kabinet seolah babi itu adalah makanan asas bagi rakyat Malaysia.

Pengguna *Facebook*, Ali Abu berkata dalam satu kenyataannya, agak kecewa dengan sikap pimpinan yang menyuruh rakyat untuk menguruskan sendiri dengan harga ayam dan telur yang kian meningkat harganya.

"Harga ayam mahal tetapi ia halal dimakan oleh majoriti rakyat Malaysia yang Muslim. Namun, rakyat disuruh selesaikan sendiri masalah tersebut dengan mengurangkan makan ayam.



Che Suriana Che Rusli



Nurul Islam Mohamed Yusof

"Harga babi mahal tapi haram dimakan oleh majoriti rakyat Malaysia yang Muslim. Kerajaan berusaha menangani isu daging babi yang mahal dengan serius. Masuk dalam mesyuarat kabinet para jemaah Menteri. Kemudian buat kerjasama rentas kementerian lagi.

"Yang masalah ayam, yang menjadi makanan utama rakyat Malaysia, 'dio' (kerajaan) suruh rakyat urus sendiri. Yang masalah babi, kerajaan berusaha nak uruskan," ujar Ali Abu.

Seterusnya, Nurul Mohamed Yusoff, ujar dalam kenyataannya bahawa ayam dan telur merupakan sumber protein utama rakyat Malaysia.

"Tidak menjadi keutamaan Mesyuarat Kabinet. Babi ini bukan setiap hari orang bukan Islam makan dan bukan semua orang bukan Islam makan.

"Tapi, isu ini menjadi agenda kabinet. 'Jem' sungguh kabinet PM10 ini. Priority (keutamaan rakyat) kelaut.

Di samping, Che Suriana Che Rusli turut memberi pandangan di kenyataannya bahawa Malaysia belum di tahap darurat sehinggakan tiada pilihan lain untuk menjadi sumber makanan (babi).

"Saya wajib menyuarakan pendapat sebab saya rakyat Malaysia yang beragama Islam. Sewajarnya, pihak berkepentingan perlu menitikberatkan makanan asasi. Ini pun kena serahkan kepada yang lebih arif.

"Apa makanan asasi rakyat Malaysia? Yang saya mudah nak cerita. Rakyat Malaysia pagi-pagi makan nasi lemak. Dalam nasi lemak itu ada telur. Bonus ada ayam goreng atau rendang ayam. Nasi lemak ini pilihan dan kesukaan ramai termasuk saya.

"Sebab duduk merantau, itulah nasi lemak. Lainlah saya menetap di Pantai Timur yang ada nasi kerabu, nasi dagang, nasi berlauk dan lain-lain.

"Kita di Malaysia ini saling hidup harmoni dengan pelbagai bangsa dan agama. Jadi raikan tidak bermakna kita ketepikan hak majoriti!

"Semoga Malaysia, Allah jaga kita dari fitnah Dajjal. Semoga Allah jaga kita semua. Kita ini semua milik Tuhan Alam. Allah Maha Besar," tegas beliau.

Terdahulu, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Seri Salahuddin Ayub mengumumkan cadangan untuk mengawal kestabilan harga daging babi, menjelang Tahun Baru Cina pada 22 Januari depan, akan dibawa untuk perbincangan mesyuarat kabinet pada Rabu.

Perkara itu diumumkan selepas mesyuarat KPDN dengan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) pada Selasa.

Selain itu, Rafizi Ramli yang juga Menteri Ekonomi sebelum ini menjadi tumpuan ramai selepas mencadangkan supaya rakyat berhenti daripada membeli ayam sekiranya harga makanan asas itu terlalu mahal di pasaran.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 19/1/2023 | HARAKAH | KELANTAN | H12 |

# Beras, daging melebihi keperluan tempatan

Oleh **SALMAH MAT HUSAIN**
Foto **RIZAL TAHIR**



**Mumtaz Md Nawi menerima replika kupon makanan tajaan 'Infaq 4 Food'.**

**KOTA BHARU:** Kesungguhan rakyat Kelantan terbabit dalam sektor pertanian dan penternakan menyebabkan pengeluaran beras dan daging melebihi keperluan tempatan.

Anggota Exco kerajaan negeri, Dato' Mumtaz Md Nawi berkata, semangat itu sesuai dengan Kelantan sebagai Negeri Jelapang Makanan.

Oleh itu katanya rakyat Kelantan hendaklah terus bertani dan menternak sebagai sumber ekonomi keluarga, di samping menyumbang kepada pengeluaran makanan negara.

"Kelantan terkenal dengan bumi yang subur," katanya pada program Infaq 4 Food anjuran Maahad Muhammadi Lelaki (MML) di sini baru-baru ini.

Turut hadir Timbalan Pengarah (Kenaziran) Yayasan Islam Kelantan, Sukeri Hussin dan Pengetua MML, Kamarjan Abdul Rahman.

Mumtaz yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Negeri berkata, harga sayur agak mahal di pasaran sekarang disebabkan banyak tanaman kurang menjadi dan ada ditenggelami banjir.

Menurutnya juga KDNK Agromakanan Kelantan pada tahun 2021 meningkat kepada 73 peratus berbanding 72 peratus tahun 2020.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 19/1/2023 | HARAKAH | DARUL IMAN | H20 |

# Terengganu mahu wujudkan industri penternakan ayam penelur

KUALA TERENGGANU - Kerajaan Terengganu berhasrat mewujudkan industri penternakan ayam penelur di negeri ini bagi mengatasi masalah kekurangan telur selain mengelak kebergantungan kepada sumber luar untuk tempoh jangka panjang.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar negeri, Dr Azman Ibrahim berkata, beliau telah mengenal pasti tanah seluas 120 hektar di daerah Setiu untuk dimajukan sebagai hab penternakan ayam telur.

Menurut beliau, setakat ini pihaknya sudah mengadakan perbincangan dengan beberapa entiti dan ada yang menunjukkan minat untuk membuka ladang ternakan di kawasan berkenaan.



Pengeluaran telur dalam Malaysia mencatat 120 peratus, melebihi keperluan tetapi telur ini dieksport ke luar negara menyebabkan ketidakcukupan, ujar Dr Azman.

"Kebetulan sebenarnya sebuah syarikat yang mengusahakan ladang ayam penelur di Melaka turut mempunyai ladang ayam pedaging di Negeri Terengganu.

"Jadi kita akan berbincang supaya mereka mengembangkan lagi industri itu kepada sektor penternakan ayam penelur," ujarnya selepas melakukan tinjauan agihan telur di Pusat Operasi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) di Chendering.

Kata Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jabi itu, projek ternakan ayam penelur tersebut dijangka dimulakan pertengahan tahun ini dengan menggunakan model sama seperti projek pertanian lain di negeri ini.

Tambah beliau, kerajaan negeri juga bersedia untuk bekerjasama sebaiknya dengan para pelabur yang berminat mengusahakan projek ternakan ayam penelur ini termasuk menyediakan infrastruktur, tapak dan sebagainya.

"Dalam Pelan Strategik Pertanian Negeri Terengganu ke arah 'food security', kita sebenarnya tidak mahu bergantung kepada bekalan daripada luar tetapi hendak jadi pengeluar yang menghasilkan makanan untuk negeri dan kalau ada berlebihan boleh dikongsi dengan negeri lain, " ujarnya.

Dr Azman berkata, kerajaan negeri juga tidak berhasrat untuk mengimport telur dari negara lain termasuk Thailand bagi memenuhi permintaan pasaran, kerana harganya lebih mahal dan kurang berkualiti

"Setakat ini, kita masih boleh bergantung kepada sumber tempatan di samping harganya yang lebih murah, kita yakin telur tempatan ini lebih berkualiti sebab kalau telur import dari luar negara mungkin memakan masa berminggu-minggu untuk sampai ke outlet-outlet jualan.

"Dalam masa yang sama kita sedia maklum, Kadar Sara Diri (SSR) pengeluaran telur dalam Malaysia mencatat 120 peratus, sudah melebihi daripada keperluan tetapi yang menjadi isu dan persoalannya telur ini dieksport ke luar negara yang menyebabkan bekalan dalam negara kita mengalami ketidakcukupan.

"Saya melihat ini adalah isu utama yang perlu diselesaikan di peringkat kementerian khususnya perbincangan dengan pengusaha dan pengeksport supaya ada satu jalan tengah yang boleh diambil, " jelasnya.



Dr Azman turun padang untuk melihat kualiti telur sebelum dipasarkan.